



St Leonard's College

An education for life.

Yuran dan Bayaran Pelajar Antarabangsa Tahun 2024



Yuran dan Bayaran Pelajar Antarabangsa Tahun 2024

Yuran Permohonan

Yuran permohonan sebanyak AU\$300 dikenakan pada waktu permohonan. Yuran ini tidak boleh dikembalikan atau dipindah nama.

Yuran Pengesahan Pendaftaran

Yuran pengesahan pendaftaran sebanyak AU\$2,400 hendaklah dibayar pada waktu penerimaan surat tawaran. Yuran ini tidak boleh dikembalikan atau dipindah nama.

Yuran Tuisyen Tahunan

Tahun persekolahan terbahagi kepada dua semester (tempoh pengajian). Semester 1 mengandungi Penggal 1 dan 2, bermula pada hujung Januari hingga Jun, diselangi cuti pada bulan April. Semester 2 mengandungi Penggal 3 dan 4, bermula pada bulan Julai hingga awal Disember, diselangi cuti pada bulan September.

Wang cagaran yuran tuisyen (50% daripada Yuran Tuisyen Tahunan) bagi tempoh pengajian pertama setelah pendaftaran, serta bayaran lain yang ternyata dalam surat tawaran, hendaklah dibayar pada waktu penerimaan surat tawaran.

Setelah itu, yuran dan bayaran hendaklah dilunaskan satu penggal lebih awal dengan ansuran tahunan selama dua tahun dibahagi sama rata. Tarikh-tarikh penggal dinyatakan di laman [Tarikh-tarikh Penggal 2024](#). Semua yuran dan bayaran hendaklah dibayar dalam masa 30 hari setelah akaun diterbitkan, dan tertakluk kepada semakan dan pelarasan tahunan.

Peringkat Tahun	Yuran Tuisyen Tahunan 2024 (AU)
Prep	\$28,443
1	\$32,328
2	\$32,328
3	\$36,242
4	\$36,242
5	\$39,222
6	\$39,222
7	\$45,383
8	\$50,289
9	\$50,289*
10	\$50,635
11	\$53,609
12	\$52,906

* Tidak termasuk Yuran CUE Big Experience (kira-kira \$4,000-\$6,000) untuk pelajar Tahun 9 yang layak, dan kos Canberra Trip (kira-kira \$1,500).

*Yuran Tuisyen Tahunan menampung semua program kurikulum teras dan kokurikulum. Program yang termasuk di dalamnya ternyata dalam College Terms of Business (Syarat-syarat Urusan Kolej).

Pelajar dalam negeri, Warga Negara Australia dan pemegang Visa Sementara dan Visa Penduduk Tetap patut melihat laman web Kolej bagi perincian yuran dan bayaran yang dikenakan.

Insurans Kesihatan

Seperti diwajibkan oleh Kerajaan Australia, pelajar antarabangsa hendaklah membeli insurans kesihatan perseorangan untuk seluruh tempoh visa pelajar, sebelum tiba di Australia.

St Leonard's College akan membeli insurans ini bagi pihak pelajar dengan kos AU\$692 setahun (atau amaun yang dimaklumkan oleh BUPA atau syarikat insurans yang dipilih Kolej) dan memberikan invoie bagi amaun itu pada waktu surat tawaran.

Pelajar yang meneruskan pengajian akan dikenakan amaun tahunan AU\$692 (anggaran sekarang) apabila tiba waktu insurans diperbaharui.

Perbelanjaan Tambahan

Bayaran tambahan mungkin dikenakan bagi program atau elektif tertentu bukan teras, misalnya khemah percutian tidak wajib dan kelas muzik perseorangan. Senarai program bukan teras dinyatakan dalam [College Terms of Business \(Syarat-syarat Urusan Kolej\)](#).

Harap maklum, pendaftaran di St Leonard's College juga melibatkan kos tambahan bagi membeli pakaian seragam sekolah, buku dan alat tulis, serta apa-apa peralatan sukan atau muzik yang diperlukan.

Kolej juga mengamalkan 'Bring Your Own Device' (BYOD - Bawa Peranti Sendiri) untuk keperluan teknologi pelajar. Pelajar tahun 10 hingga 12 dibenarkan memilih teknologi paling sesuai bagi keperluan mereka. Pelajar tahun 9 ke bawah perlu mempunyai iPad.

Syarat minimum bagi peranti dapat dilihat di learn.stleonards.vic.edu.au/ipad/

Senarai yuran dan bayaran tidak termasuk perbelanjaan kehidupan yang lain, termasuk kos telefon bimbit, ubat, bekalan mandi, pengangkutan, kos hiburan dan wang saku.

Ikhtisar Yuran Tahunan 2024 (contoh)

Bayaran	Amaun (AU)
Yuran Permohonan*	\$300
Yuran Pengesahan Pendaftaran Antarabangsa*	\$2,400
Yuran Tuisyen (tahun 12)	\$52,906
Insurans Kesihatan	\$692
Jumlah	\$56,298
Sumbangan Dana Bangunan Sukarela	\$460

*Yuran Permohonan dan Kemasukan adalah bayaran sekali sahaja dan dibayar semasa pendaftaran.

Cara Pembayaran

Akaun dapat dibayar dengan mata wang Australia melalui:

- BPay
- Kad Kredit – (MasterCard dan Visa sahaja, kad kredit luar negara tidak diterima)
- Kad Debit atau pindahan wang elektronik

Kolej tidak menerima pembayaran wang tunai.

Dasar Pengembalian Wang

Yuran Permohonan dan Pendaftaran tidak akan dikembalikan jika permohonan pelajar dibatalkan.

1. Jika pendaftaran ditarik balik secara bertulis lebih satu penggal sebelum permulaan, Yuran Tuisyen Tahunan, Insurans Kesihatan dan Yuran Penginapan Keluarga boleh dikembalikan, setelah ditolak bayaran pembatalan \$1,000. Yuran Permohonan dan Yuran Pengesahan Pendaftaran tidak boleh dikembalikan atau dipindah nama.
2. Jika pendaftaran ditarik balik secara bertulis kurang satu penggal sebelum tarikh permulaan, Yuran Permohonan, Yuran Pengesahan Pendaftaran serta 25% Yuran Tuisyen Tahunan tidak boleh dikembalikan atau dipindah nama. Insurans Kesihatan dan Yuran Penginapan Keluarga boleh dikembalikan.
3. Jika bukti dikemukakan bahawa permohonan visa telah ditolak oleh Jabatan Dalam Negeri Australia, Yuran Tuisyen, Insurans Kesihatan dan Yuran Penginapan Keluarga boleh dikembalikan. Yuran Permohonan dan Yuran Pengesahan Pendaftaran tidak boleh dikembalikan atau dipindah nama.
4. Setelah pendaftaran dimulakan di Kolej, dan jika pelajar tidak memberikan notis menarik diri satu penggal penuh (selewat-lewatnya hari pertama penggal sebelumnya), bayaran setara dengan yuran satu penggal akan dikenakan.
5. Jika berubah status visa seorang pelajar (misalnya menjadi penduduk tetap atau sementara), yuran pelajar antarabangsa mesti tetap dibayar untuk sepanjang semester berkenaan.
6. Semua pengembalian wang akan dibuat dalam mata wang dolar Australia kepada pihak yang membuat pembayaran asal.
7. Untuk menuntut pengembalian wang, keluarga mesti memberitahu Pejabat Kemasukan Antarabangsa secara bertulis tentang niat untuk membatalkan pendaftaran dan menuntut pengembalian wang. Jika diluluskan, pengembalian wang akan diproses dan diselesaikan dalam masa enam minggu setelah tarikh notis diterima.
8. Persetujuan ini tidak membatalkan hak Kolej untuk mengambil tindakan lanjut bagi memungut yuran dan bayaran yang masih tertunggak.
9. Persetujuan ini, serta adanya proses aduan dan rayuan Kolej, tidak membatalkan hak pelajar untuk mengambil tindakan di sisi undang-undang perlindungan pengguna Australia.